

KERTAS MODEL UPSR 2

PEMAHAMAN [011]

Satu jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B**.
2. Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
3. Bagi **Bahagian A**, setiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.
4. Bagi **Bahagian B**, jawab **semua** soalan dalam ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A [20 markah]

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Semua mangsa banjir di Kampung Manek Urai bersyukur kerana _____ menerima pelbagai bantuan daripada kerajaan.
A dia C kami
B kita D mereka
- 2 Hezri _____ memperuntukkan masa selama 20 minit untuk bersenam pada setiap hari.
A akan C pernah
B dapat D sedang
- 3 Air Sungai Senangin sangat _____ dan berlumpur kerana pada malam tadi hujan turut dengan lebatnya.
A cetek
B keruh
C tenang
D banyak
- 4 “Titah _____ akan _____ laksanakan dengan segera,” kata Laksamana kepada Sultan Muzaffar Syah.
A tuanku ... beta
B tuanku ... patik
C baginda ... hamba
D tuan hamba ... hamba
- 5 Laksamana: Eloklah tuan hamba menghadap baginda pada esok hari kerana baginda sedang _____ di kamar diraja.
Temenggung: Baiklah, hamba menurut kata tuan hamba.
- A beradu
B bersiram
C bersantap
D bersemayam
- 6 Tokoh korporat yang terkenal di negara kita itu sedang _____ oleh sekumpulan wartawan.
A ditemu duga
B disoal siasat
C ditemu bual
D diuji kaji
- 7 Karnival keusahawanan yang berlangsung di ibu kota itu dihadiri oleh para _____ muda dari seluruh negara.
A karyawan
B wartawan
C usahawan
D bangsawan
- 8 Kak Siti _____ beg pakaianya sewaktu mengharungi banjir.
A mengelek
B menjinjing
C menjunjung
D mengendong

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 9 Pilih simpulan bahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.**

“Nampaknya kita terpaksa _____ kerana bekalan makanan kita semakin berkurang,” kata Fahmi kepada rakan-rakannya.

- A ikat perut
- B alas perut
- C makan hati
- D makan diri

- 10 Mereka mengutip derma untuk membantu mangsa-mangsa tragedi tanah runtuh itu.**

Pilih perkataan sinonim bagi mengutip.

- A mencari
- B mengaut
- C memungut
- D mengambil

- 11 Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betulnya.**

- I Hubungan persahabatan mereka menjadi berat sejak kejadian tempoh hari.
 - II Penderitaan itu terlalu berat untuk ditanggung oleh Hanim dan keluarganya.
 - III Pemuda yang berbadan sasa itu dapat mengangkat kotak yang berat itu dengan mudahnya.
 - IV Beberapa soalan yang diuji dalam pertandingan teka silang kata itu amat berat hingga tidak dapat dijawab oleh para peserta.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

- 12 Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.**

Perpustakaan awam perlu dimanfaatkan terutamanya dalam kalangan remaja untuk melahirkan generasi yang berilmu.

- A Siapakah yang akan bertanggungjawab untuk melahirkan generasi yang berilmu?
- B Mengapakah perpustakaan awam perlu dimanfaatkan terutamanya dalam kalangan remaja?
- C Bilakah generasi yang berilmu perlu memanfaatkan perpustakaan awam?
- D Bagaimanakah perpustakaan awam dapat dimanfaatkan oleh golongan remaja?

- 13 Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.**

Apakah tindakan yang diambil oleh penduduk Taman Cempaka untuk mengatasi kes kecurian di kawasan kediaman mereka?

- A Kes kecurian itu berlaku di sekitar kawasan Taman Cempaka.
- B Mereka berkawal pada waktu malam untuk mengelakkan kejadian itu terus berlaku.
- C Penduduk Taman Cempaka telah mengenal pasti pihak yang terlibat dengan kes kecurian itu.
- D Penduduk Taman Cempaka berharap agar tindakan akan diambil untuk mengatasi kes kecurian di kawasan kediaman mereka.

- 14 Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.**

Irfan mengajak Li Guan menyertai aktiviti perkhemahan di pinggir Sungai Congkak pada minggu depan.

- A “Li Guan, kamu mesti menyertai aktiviti perkhemahan di pinggir Sungai Congkak pada minggu depan,” kata Irfan kepada Li Guan.
- B “Li Guan, marilah sertai aktiviti perkhemahan di pinggir Sungai Congkak pada minggu depan,” kata Irfan kepada Li Guan.
- C “Irfan, jangan lupa untuk menyertai aktiviti perkhemahan di pinggir Sungai Congkak pada minggu depan,” kata Li Guan kepada Irfan.
- D “Irfan, jika kamu tidak menyertai aktiviti perkhemahan di pinggir Sungai Congkak pada minggu depan, kamu akan didenda,” kata Li Guan kepada Irfan.

Soalan 15

Pilih ayat yang betul.

- 15 I** Budak lelaki itu hampir-hampir dilanggar kereta tetapi melintas jalan.

- II** Alia terkejut bila diumumkan sebagai pemenang pertandingan bercerita.

- III** Saya benar-benar yakin bahawa Amri dan Kwan Tong tidak terlibat dalam pergaduhan itu.

- IV** Cikgu Hishamuddin menasihati murid-muridnya supaya sentiasa menjaga kebersihan kawasan sekolah.

- A I dan II C I dan IV
- B II dan III D III dan IV

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tarikh 16 Mei pada setiap tahun merupakan tarikh yang amat bermakna kepada para guru di negara kita. Pada tarikh tersebut, sambutan Hari Guru diadakan secara besar-besaran di seluruh negara. Sambutan ini diadakan sebagai tanda menghormati dan menghargai jasa guru yang telah berkhidmat untuk mendidik anak bangsa.

Pelbagai acara dijalankan bersempena dengan sambutan tersebut. Pada peringkat sekolah misalnya, acara seperti persembahan pentas dan sukaneka diadakan. Semua guru serta murid terlibat untuk menjayakan acara tersebut. Acara sebegini bukan sahaja dapat menimbulkan suasana yang ceria di sekolah malahan dapat mewujudkan hubungan yang mesra.

Pada peringkat kebangsaan pula, majlis penganugerahan Guru Cemerlang diadakan. Anugerah Guru Cemerlang diberikan kepada tokoh guru yang telah banyak berjasa dalam bidang pendidikan di negara kita.

Sebenarnya, tanggungjawab guru bukan sekadar mengajar dan *mencurahkan ilmu* kepada murid-muridnya. Tugas guru lebih berat dan besar kerana guru harus bertanggungjawab terhadap kebijakan dan keselamatan murid-muridnya. Selain itu, guru harus memelihara hubungan baik dengan ibu bapa dan masyarakat setempat juga.

Oleh itu, semua pihak perlulah menghargai jasa dan pengorbanan guru. Seluruh anggota masyarakat perlu memberikan kerjasama kepada guru dalam usaha melahirkan generasi yang cemerlang dan berakhhlak mulia.

- | | |
|---|--|
| <p>16 Tujuan sambutan Hari Guru diadakan adalah untuk</p> <ul style="list-style-type: none"> A memberikan hadiah kepada guru. B mengenang dan menghargai bakti guru. C mengenal pasti dan memilih guru cemerlang. D mengadakan persembahan pentas yang melibatkan guru. <p>17 Berdasarkan petikan, acara-acara di bawah ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari Guru kecuali</p> <ul style="list-style-type: none"> A jamuan. B sukaneka. C persembahan pentas. D majlis penganugerahan Guru Cemerlang. <p>18 Pelibatan murid dan guru untuk menjayakan acara sambutan Hari Guru dapat</p> <ul style="list-style-type: none"> A menjimatkan kos perbelanjaan. B meningkatkan pencapaian sekolah. | <p>C menyelesaikan masalah yang dihadapi.</p> <p>D menjalinkan kemesraan antara mereka.</p> <p>19 Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.</p> <ul style="list-style-type: none"> A Jasa dan pengorbanan para guru wajar kita hargai. B Tanggungjawab guru terhadap murid-murid amat besar. C Hanya segelintir masyarakat perlu bekerjasama dengan guru. D Berbagai-bagai acara yang menarik diadakan semasa sambutan Hari Guru. <p>20 Rangkai kata <i>mencurahkan ilmu</i> dalam petikan bermaksud</p> <ul style="list-style-type: none"> A memberikan ganjaran. B berkongsi pengalaman. C mendapatkan pengajaran. D memberikan pengetahuan. |
|---|--|

BAHAGIAN A TAMAT

Bahagian B
[30 markah]

Soalan 21

(a) Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini salah penggunaannya.

Tulis perkataan yang betul dalam ruang yang disediakan.

- (i) Mereka membuat berbagai persiapan untuk sambutan Hari Guru pada minggu hadapan.
-

- (ii) Abang Imran berasa sedih kerana berpuluhan ekor ayam ternakannya telah dicuri pada malam tadi.
-

- (iii) Para-para peserta program Perkhemahan Pasukan Beruniform berkumpul di dalam dewan.
-

[3 markah]

(b) Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

- (i) Puan Nadia membeli seutas jam tangan untuk dihadiahkan _____ anak lelaki tunggalnya.

ke	
----	--

pada	
------	--

kepada	
--------	--

- (ii) Mereka akan bertolak _____ Kuala Lumpur _____ pukul 8:00 pagi.

dari	
pada	

di	
daripada	

daripada	
kepada	

[2 markah]

(c) Tulis jawapan yang sesuai bagi soalan yang diberikan dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Cikgu Najmi: Tolong serahkan laporan Kem Doktor Muda kepada Cikgu Mahani sekarang.

Azlinda:

[2 markah]

(d) Lengkapkan frasa berikut supaya menjadi peribahasa.

- (i) Di mana bumi _____

- (ii) Orang berbudi _____

[2 markah]

Soalan 22

Tandakan (✓) pada ayat yang betul dan (✗) pada ayat yang salah.

(i)	Oleh kerana kesilapannya, dia telah digugurkan daripada senarai pemain pasukan bola sepak sekolah.	
(ii)	Murid-murid pergi ke perpustakaan kerana terdapat pelbagai jenis bahan bacaan disediakan untuk kegunaan murid-murid.	
(iii)	Mereka mengadakan latihan drama itu sejak satu setengah jam yang lalu.	
(iv)	Najwa diumumkan sebagai peserta terbaik dalam pertandingan berbalas pantun di sekolahnya.	
(v)	Peserta-peserta pertandingan reka cipta anjuran Kelab Sains itu hebat-hebat belaka.	

[5 markah]

Soalan 23

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

bahawa	bertindak	kepada	dia
yang	berusaha	ke	beliau

- (i) Tuan Guru Besar disayangi oleh murid-murid kerana _____ sentiasa mengambil berat akan kebajikan mereka.
- (ii) Mereka _____ dengan sungguh-sungguh untuk menjayakan program keusahawanan itu.
- (iii) Fadilah memberitahu ibunya _____ dia terpilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan bercerita.
- (iv) Hadiah _____ para pemenang pertandingan syarahan telah disampaikan oleh Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah kami.

[4 markah]

Soalan 24

Teliti jadual di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tentatif Karnival Hari Keluarga Taman Muhibah
Tarikh: 22 April 2018 (Sabtu)

Masa	Aktiviti
8:00 pagi – 8:30 pagi	Pendaftaran peserta dan taklimat program
8:30 pagi – 9:30 pagi	Ceramah motivasi kekeluargaan
9:30 pagi – 12:00 tengah hari	Acara sukaneka
12:00 tengah hari – 2:00 petang	Jamuan makan tengah hari, solat, dan rehat
2:00 petang – 3:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> – Pertandingan mewarna (kategori kanak-kanak) – Pertandingan membuat arca daripada bahan terpakai (kategori dewasa)
3:00 petang – 4:00 petang	<ul style="list-style-type: none"> – Majlis penyampaian hadiah dan ucapan penutup – Bersurai

Peringatan:

- Para peserta perlu mendaftarkan diri di meja pendaftaran 30 minit sebelum acara bermula.
- Para peserta perlu memakai pakaian yang sopan dan bersesuaian dengan aktiviti yang akan dijalankan.
- Para peserta perlu mematuhi peraturan dan syarat-syarat pertandingan untuk mengelakkan penyertaan dibatalkan.

(a) Selepas rehat, apakah aktiviti yang dilakukan sebelum majlis penyampaian hadiah dijalankan?

- (i) _____
(ii) _____

[2 markah]

(b) Mengapa para peserta perlu mendaftarkan diri di meja pertandingan 30 minit sebelum acara bermula?

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah yang perlu dilakukan oleh pengajur Karnival Hari Keluarga Taman Muhibah untuk menarik minat penduduk menyertai karnival tersebut?

Jawapan kamu hendaklah menggunakan ayat yang lengkap.

[3 markah]

Soalan 25

Baca petikan e-mel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

 Laman Utama	 Tentang Kami	 E-mel	 Produk
Daripada: Rohaya binti Mat Akhir Perkara: Keselamatan semasa Menaiki Bot		Kepada: Fatimah binti Sumajan Tarikh: 1 Mei 2018	
<p>Kepada sahabatku yang berada di Kuala Lumpur. Apa khabar? Saya berharap agar saudari dan keluarga sihat selalu. Bersama-sama dengan e-mel ini, saya sertakan maklumat tentang pengalaman saya menaiki bot dengan Pak Long saya untuk memancing ikan di laut.</p> <p>Untuk pengetahuan saudari, aspek keselamatan semasa menaiki bot amat penting. Sebelum memulakan perjalanan, Pak Long saya akan memastikan bot itu berada dalam keadaan yang selamat. Beliau memeriksa enjin bot dan bot gentian supaya berada dalam keadaan yang baik.</p> <p>Seterusnya, Pak Long meminta saya mengangkut barang-barang ke dalam bot. Saya meletakkan barang-barang itu di tengah-tengah bot itu. Hal ini bertujuan untuk memastikan keseimbangan bot. Oleh itu, bot itu tidak akan senget semasa di laut.</p> <p>Akhir sekali, saya memakai jaket keselamatan. Jaket itu penting supaya kita berada dalam keadaan yang selamat jika berlaku sesuatu kemalangan di laut.</p>			

- (a) Nyatakan harapan Rohaya kepada Fatimah dalam permulaan e-melnya.

[1 markah]

- (b) Jika para pemancing hendak menjaga keselamatan ketika mereka memancing di laut, apakah langkah keselamatan yang perlu diambil berat sebelum mereka turun ke laut?

[2 markah]

- (c) Selain langkah keselamatan yang dinyatakan dalam petikan, apakah langkah keselamatan lain yang perlu diambil berat oleh para pemancing sebelum turun ke laut untuk menjaga keselamatan mereka?

[2 markah]

BAHAGIAN B TAMAT

KERTAS MODEL UPSR 2

PENULISAN [012]

Satu jam lima belas minit

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.**
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi **Bahagian C**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1 atau Soalan 2.**

Bahagian A

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan: 15 minit]

Gambar di bawah ini menunjukkan keadaan di taman rekreasi di sebuah kawasan perumahan.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



1 _____

2 _____

3 _____

4 _____

5 _____

10

Bahagian B

[15 markah]

[Masa yang dicadangkan: 25 minit]

Pengambilan makanan yang seimbang amat penting dalam kalangan murid sebelum ke sekolah.

Tulis ulasan tentang pengambilan makanan seimbang dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara **50 hingga 80 patah perkataan**.



Bahagian C

[25 markah]

[Masa yang dicadangkan: 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara **80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

Ayah dan ibu
Itulah permulaan kami
Dapatlah melihat bulan
Dan matahari
Ahai...

Yang dikurniakan daripada Ilahi
Ahai...
Ayah dan ibulah
Mesti dihormati

Dua rangkap di atas merupakan sebahagian daripada lirik lagu “Ayah dan Ibu”. Lirik tersebut menasihati kita agar menghormati ayah dan ibu.

Berdasarkan maksud lirik lagu tersebut, tulis karangan tentang cara-cara menghormati ayah dan ibu.

Tulis karangan kamu itu selengkapnya.

ATAU**Soalan 2**

Kamu telah dipilih untuk menyampaikan ucapan dalam suatu program kebersihan di sekolah kamu. Tajuk ucapan kamu ialah “Kepentingan Menjaga Kebersihan Sekolah”.

Tulis ucapan kamu itu selengkapnya.

25

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT